



J006028297

**PERANCANGAN PEMBELANJAAN KELUARGA
MASYARAKAT KOTA SAMARAHAN DI DALAM
MENGHADAPI KEGAWATAN EKONOMI**

**BELINDA WILSON MERGIE
CHRISTINA SIGAN
FRANKIE WRANTHYE DUIN DULL
MARGARET ABAI
MICHAELINE BRAHIMI**

**“Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang
Institut Teknologi MARA bagi memenuhi keperluan Diploma Pentadbiran Awam”**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SARAWAK**

ARRIL 1999

ABSTRAK

Pada Julai 1997, keadaan menjadi gempar di Bursa Saham Kuala Lumpur. Harga-harga saham jatuh mendadak. Matawang ringgit pula mula jatuh menjunam. Keadaan ekonomi negara bermula pada saat itu mula menunjukkan kegawatan yang terus menjadi semakin teruk. Malaysia turut terheret sama ke kancah kegawatan senasib dengan negara-negara lain di rantau Asia. Kesan kegawatan ekonomi ini bukan hanya dirasai oleh kerajaan dan golongan korporat malah turut dideritai oleh segenap lapisan masyarakat. Kesan yang paling ketara ialah kenaikan harga barang. kenaikan harga barang ini merupakan kesan langsung kegawatan ekonomi ke atas anggota masyarakat.

Berdasarkan keadaan inilah maka penyelidikan kami dibuat iaitu untuk Melihat kesan kegawatan ke atas satu komuniti masyarakat dan melihat reaksi yang mereka tunjukkan terhadap masalah ini. Masalah yang kelihatan global ini perlu diselidiki di peringkat yang paling rendah untuk melihat kesan sebenar kegawatan ini ke atas anggota masyarakat.

J000000052



KANDUNGAN

MUKA SURAT

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Surat penyerahan tugas	iii
Senarai jadual	v
Senarai rajah	viii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar belakang	1-3
1.2 Skop kajian	4
1.3 Penyataan masalah	5
1.4 Objektif kajian	6-7
1.5 Metodologi	8-9
1.5.1 Pengumpulan data	
1.5.2 Teknik pensampelan	
1.5.3 Kaedah pengumpulan data primer	
1.6 Kepentingan kajian	10-11
1.7 Hipotesis	12
1.8 Konstren kajian	13-15
1.9 Tinjauan literature	16-22
2.0 Definisi dan istilah	23-24

BAB 2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

2.1 Latar belakang kawasan kajian	25-30
-----------------------------------	-------

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Berdasarkan tajuk tesis kami ‘Perancangan Perbelanjaan Keluarga Masyarakat Kota Samarahan, di dalam Menghadapi Kegawatan Ekonomi’ maka skop khusus kajian kami adalah sekitar bahagian Kota Samarahan, Sarawak. Kota Samarahan terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Kuching. Ia mempuhyai keluasan 593.91 kilometer persegi.

Selain itu, Kota Samarahan mempunyai tiga buah pekan yang mana Pekan Asajaya, Pekan Temerat dan Pekan Kota Samarahan. Walaubagaimanapun, Bandaraya Kuching adalah merupakan tumpuan utama penduduknya untuk membeli belah ataupun membeli barang dapur. Ini mungkin disebabkan kedudukan jarak yang hanya beberapa kilometer saja dari Bandar Kuching. Namun demikian, Kota Samarahan akan muncul sebagai ‘kota ilmu’. Ini dapat kita lihat di mana kebanyakan institusi Pengajian Tinggi di bangunkan di Kota Samarahan seperti Institut Teknologi Mara, Universiti Malaysia Sarawak dan kini adalah Maktab Perguruan. Jadi tidak mustahil kiranya Kota Samarahan akan menjadi bandar besar satu hari nanti. Ini terbukti dengan pembangunan yang dilakukan dari masa ke semasa.

Berdasarkan tinjauan kami Kota Samarahan mempunyai penduduk yang pelbagai keturunan seperti Melayu , Iban , Bidayuh , Cina dan Melanau. Kebanyakan penduduknya melakukan kerja sendiri iaitu dalam

BAB 2

LATAR BELAKANG KAJIAN

2.0 Latar Belakang Kawasan Kajian

Daerah Samarahan adalah salah sebuah dari daerah yang membentuk Bahagian Kota Samarahan. Daerah-daerah yang lain ialah Daerah Serian, Daerah Simunjan, Daerah Padawan.

Daerah Samarahan adalah seluas 593.91km persegi. Daerah Samarahan terbahagi kepada dua daerah kecil iaitu Daerah Kecil Samarahan dan Daerah Kecil Asajaya. Daerah Samarahan merangkumi Bukit Bung di selatan, Tanjung Emby di utara, Batu Pulau Semengoh di barat dan Kampung Sungai Muara di timur.

Daerah Samarahan mempunyai 47,250 orang penduduk dengan kepadatan 79.11%. Pecahan penduduknya adalah seperti berikut:

- a) Melayu - 31,380 orang
- b) Cina - 8,970 orang
- c) Bidayuh - 1,000 orang
- d) Melanau - 70 orang
- e) Iban - 5,100 orang
- f) Lain-lain - 730 orang

Daerah Samarahan merangkumi 64 buah kampung dan 3 buah pekan iaitu Pekan Muara Tuang, Pekan Asajaya dan Pekan Temerat. Kampung-kampung ini adalah terdiri dari penduduk Melayu sahaja, Iban sahaja atau gabungan mana-mana kaum yang terdapat di Bahagian Kota